Nursyafawati bt Kasim lwn Majlis Perbandaran Kota Bharu Bandaraya Islam

MAHKAMAH TINGGI (KOTA BHARU) — PERMOHONAN SEMAKAN KEHAKIMAN NO DA-25-8–10 TAHUN 2019
ROSLAN ABU BAKAR H
29 DISEMBER 2021

Undang-Undang Pentadbiran — Semakan kehakiman — Certiorari — Responden mengeluarkan surat kompaun dan mengunci tayar kereta pemohon — Responden menetapkan fi bagi membuka kunci tayar pemohon — Sama ada perintah 8 dan perintah 17, Perintah Pengangkutan Jalan (Letak Kereta Bermeter) (MPKB) 2000 ultra vires s 72 dan s 66(1)(rr) Akta Pengangkutan Jalan 1987 ('APJ') — Sama ada perintah-perintah berhubung dengan fi adalah munasabah, rasional, sesuai dan tidak menindas — Sama ada tindakan mengunci tayar kereta pemohon ultra vires s 66(1)(rr) APJ berdasarkan s 48 APJ — Akta Pengangkutan Jalan 1987 ss 3A(3A), 48, 66(1)(rr) & 72 — Kaedah-Kaedah Mahkamah 2012 A 53 & A 92 k 4 — Perintah Pengangkutan Jalan (Letak Kereta Bermeter) (MPKB) 2000 perintah 8 & 17(1)

Pemohon adalah individu yang bermastautin di Kota Bharu manakala responden adalah pihak berkuasa tempatan bagi daerah Kota Bharu. Dalam kes ini, responden telah mengeluarkan surat kompaun terhadap pemohon berjumlah RM10 ('surat kompaun tersebut') dan mengunci tayar kereta pemohon atas kesalahan meletak kereta dengan tidak membayar caj yang ditetapkan. Responden menetapkan fi bagi membuka kunci tayar adalah sebanyak RM100. Tindakan responden ini dibuat berdasarkan peruntukan perintah 8 dan perintah 17(1), Perintah Pengangkutan Jalan (Letak Kereta Bermeter) (MPKB) 2000 ('PPJ(LKB)'). Terkilan dengan tindakan responden, pemohon memfailkan permohonan semakan kehakiman di bawah A 53 dan/atau A 92 k 4 Kaedah-Kaedah Mahkamah 2012 bagi mendapatkan suatu pengisytiharan bahawa tindakan responden atau wakilnya atau pekerjanya atau proksinya atau pengkhidmatnya yang mengunci tayar kereta pemohon adalah salah, haram, ultra vires dan tidak sah di sisi undang-undang. Pemohon juga memohon perintah certiorari untuk membatalkan surat kompaun tersebut. Isu-isu yang berbangkit adalah: (a) sama ada perintah 8 dan perintah 17, PPJ(LKB) ultra vires s 72 dan s 66(1)(rr) Akta Pengangkutan Jalan 1987 ('APJ'); (b) sama ada perintah-perintah tersebut berhubung dengan fi adalah munasabah, rasional, sesuai dan tidak menindas; dan (c) sama ada tindakan mengunci tayar kereta pemohon ultra vires s 66(1)(rr) APJ kerana s 48 APJ tidak memperuntukkan bahawa memparkir kenderaan melebihi tempoh caj termasuk dalam keadaan yang boleh dikunci tayar.

Diputuskan, menolak permohonan dengan kos sebanyak RM6,000 diberikan kepada responden:

(1) Seksyen 72 APJ secara amnya memperuntukkan bahawa Pihak Berkuasa Tempatan (seperti responden dalam kes ini) boleh menyediakan tempat parkir kenderaan dan tempat perhentian. Manakala s 66(1)(rr) APJ memberikan kuasa kepada Menteri untuk membuat perintah atau kaedah bagi mengunci tayar kenderaan atau menggunakan lain-lain peralatan bagi kesalahan tertentu dan juga mengenakan fi berkaitan. Di bawah s 3A(3A) APJ, Menteri (dalam keadaan ini Menteri Pengangkutan) boleh melalui penwartaan setelah adanya permohonan, memberikan kuasa antara lainnya kepada Pihak Berkuasa Tempatan bagi melaksanakan kewajipan di bawah APJ (lihat perenggan 16 & 19).

(2) Dengan merujuk pada PPJ(LKB), mahkamah mendapati terdapat ciri-ciri yang menunjukkan Menteri Pengangkutan ada memberikan kuasa kepada Yang Di Pertua Majlis Perbandaran Kota Bharu iaitu melalui perkataan-perkataan: (a) 'Warta Kerajaan'; (b) 'diterbitkan dengan kuasa'; dan (c) 'Akta Pengangkutan Jalan 1987'. Ini secara jelas menunjukkan terdapatnya pemberian kuasa dari Menteri Pengangkutan kepada Yang Di Pertua Majlis Perbandaran Kota Bharu bagi menggubal dan menguatkuasakan perintah 8 dan perintah 17 PPJ(LKB). Adalah menjadi beban ke atas pemohon untuk membuktikan sebaliknya dan mahkamah mendapati pemohon telah gagal berbuat demikian. Berdasarkan pada alasan-alasan tersebut, mahkamah memutuskan perintah 8 dan perintah 17, PPJ(LKB) tidak ultra vires s 66(1)(rr) APJ (lihat perenggan 21–24).

(3) Bayaran kompaun kerana kehabisan wang parkir bagi kenderaan yang di parkir di tempat yang ditetapkan dan fi membuka kunci tayar kereta, adalah dua bayaran yang berbeza. Ini bukanlah suatu ugutan atau pemerasan atau pemohon dikenakan denda dua kali. Oleh itu, perintah dan keputusan responden adalah munasabah, rasional, sesuai dan tidak berunsur menindas (lihat perenggan 26–27).

(4) Seksyen 48 APJ ini harus ditafsirkan secara 'golden rule' dengan mengambil kira kepentingan awam dan juga 'judicial notice'. Perlu di ambil maklum bahawa jumlah kenderaan bermotor di Kota Bharu khasnya dan Kelantan amnya adalah amat tinggi. Dengan pertambahan jumlah kenderaan ini, maka permintaan untuk tempat parkir yang terhad dalam kawasan bandar adalah amat tinggi dan menyulitkan. Kereta pemohon yang masih di tempat parkir dengan keadaan caj parkir telah habis akan mendatangkan kesusahan yang tidak berpatutan kepada pengguna-pengguna lain. Mahkamah berpendapat keadaan ini adalah termasuk dalam tafsiran peruntukan s 48 APJ (lihat perenggan 30–31).

(5) Berdasarkan dapatan-dapatan di atas, mahkamah mendapati tindakan responden tidak menimbulkan unsur-unsur 'irrational', 'illegal' dan 'procedural impropriety' (lihat perenggan 34).

[English summary

The applicant was a resident in Kota Bharu while the respondent was the local authority for the Kota Bharu district. In this case, the respondent issued a compound against the applicant amounting to RM10 ('the said compound') and clamped the tires of the applicant's car for the offense of parking by not paying the prescribed charge. The respondent set the fee of RM100 to unclamp the tires. The respondent's actions were based on the provisions of O 8 and O 17(1), Road Transport (Metered Parking) Order (MPKB) 2000 ('PPJ(LKB)'). Aggrieved by the respondent's actions, the applicant filed a judicial review application under O 53 and/or O 92 r 4 of the Rules of Court 2012 to obtain a declaration that the action of the respondent or its representative or employee or proxy or servant who clamped the applicant's car tires was wrong, illegal, ultra vires and legally void. The applicant also sought an order of certiorari to cancel the compound. The issues arose were: (a) whether O 8 and O 17, PPJ(LKB) were ultra vires s 72 and s 66(1)(rr) of the Road Transport Act 1987 ('the RTA'); (b) whether the orders in relation to fees were reasonable, rational, appropriate and not oppressive; and (c) whether the act of clamping the tires of the applicant's car ultra vires s 66(1)(rr) of the RTA because s 48 of the RTA did not provide that parking a vehicle beyond the chargeable period was included in a condition where the tires could be clamped.

Held, dismissing the application with costs of RM6,000 to be paid to the respondent:

(1) Section 72 of the RTA generally provided that the Local Authority (such as the respondent in this case) may provide vehicle parking and stopping places. While s 66(1)(rr) of the RTA empowered the Minister to make an order or method to clamp vehicle tires or use other equipment for certain offenses and also charge related fees. Under s 3A(3A) of the RTA, the Minister (in this case the Minister of Transport) may, through a gazette upon application, give authorisation, inter alia, to Local Authority to carry out their obligations under the RTA (see paras 16 & 19).

(2) By referring to PPJ(LKB), the court found that there were characteristics that showed that the Minister of Transport had given authority to the President of the Kota Bharu Municipal Council, namely through the words: (a) 'Warta Kerajaan'; (b) 'diterbitkan dengan kuasa'; and (c) 'Akta Pengangkutan Jalan 1987'.This clearly showed that there was an authorisation from the Minister of Transport to the President of the Kota Bharu Municipal Council to enact and enforce O 8 and O 17 of the PPJ(LKB). The burden was on the applicant to prove otherwise, and the

court found that the applicant had failed to do so. Based on those reasons, the court ruled that O 8 and O 17, PPJ(LKB) were not ultra vires s 66(1)(rr) of the RTA (see paras 21–24).

(3) Compound payment due to running out of parking fees for vehicles parked in designated places and the fees to unclamp tires were two different payments. This was not a threat or extortion, or the applicant was fined twice. Therefore, the respondent's orders and decisions were reasonable, rational, appropriate, and not oppressive (see paras 26–27).

(4) Section 48 of the RTA should be interpreted in accordance with the 'golden rule' taking into account public interest and also 'judicial notice'. It should be noted that the number of motor vehicles in Kota Bharu in particular and Kelantan in general was very high. With the increase in the number of vehicles, the demand for limited parking spaces in urban areas was very high and difficult. The applicant's car that was still in the parking lot with the parking charge having been used up would cause unreasonable hardship to other users. The court was of the opinion that this situation was included in the interpretation of provisions of s 48 of the RTA (see paras 30–31).

(5) Based on the above findings, the court found that the respondent's actions did not give rise to irrationality, illegality, and procedural impropriety (see para 34).]

Kes-kes yang dirujuk

Chief Constable of North Wales Police v Evans [1982] 3 All ER 141, HL (diikut)
Peguam Negara Malaysia v Chin Chee Kow (as secretary of Persatuan Kebajikan dan Amal Liam Hood Thong Chor Seng Thuan) and another appeal [2019] 3 MLJ 443; [2019] 3 MLRA 183, MP (diikut)
Wira Swire Sdn Bhd v Ketua Pengarah Lembaga Hasil Dalam Negeri [2019] MLJU 679; [2019] MLRAU 685, MT (diikut)

Undang-undang yang dirujuk

Akta Kerajaan Tempatan 1976 s 2
Akta Pengangkutan Jalan 1987 ss 3A(3A), 48, 64, 65, 66(1)(rr), 72
Kaedah-Kaedah Mahkamah 2012 A 53, A 92 k 4
Kaedah-Kaedah Pengangkutan Jalan (Fi Bagi Pengapitan, Pengalihan dan Penahanan Kenderaan Motor) 2012 k 2
Perintah Pengangkutan Jalan (Letak Kereta Bermeter) (Majlis Perbandaran Kota Bharu) 2000 perintah 8, 17(1)

Ang Kai Wei (Majdah bt Muhamad bersamanya) (Nasri Majdah & Nurliza) bagi pihak pemohon.
Shaharuddin bin Mohamed (Shaharuddin Hidayu & Marwaliz) bagi pihak responden.

Roslan Abu Bakar H:

PENGENALAN

[1] Ini adalah suatu permohonan semakan kehakiman oleh pemohon di bawah A 53 dan/atau A 92 k 4, Kaedah-Kaedah Mahkamah 2012. Permohonan ini antara lainnya bagi mendapatkan suatu pengisytiharan bahawa tindakan responden atau wakilnya atau pekerjanya atau proksinya atau pengkhidmatnya yang mengunci tayar kereta pemohon adalah salah, haram (*illegal*), ultra vires dan tidak sah di sisi undang-undang. Pemohon juga memohon suatu perintah certiorari untuk membatalkan surat kompaun bernombor KB0451902328 bertarikh 25 Julai 2018 yang dikeluarkan terhadapnya oleh responden.

[2] Pemohon adalah seorang warga negara Malaysia yang bermaustatin di Kota Bharu dan merupakan pemilik berdaftar sebuah kenderaan bernombor DCR 6985. Manakala responden adalah sebuah pihak berkuasa tempatan yang mengurus, menyelia dan mentadbir perbandaran Kota Bharu, Kelantan.

FAKTA

[3] Pemohon adalah pemilik berdaftar kenderaan Perodua Myvi bernombor DCR 6985 dan bekerja sebagai seorang kerani akaun di firma Tetuan Aisyah Alami di premis Lot 443, No 5368, 2nd Level, Wisma Nik Kembang, Jalan Sultan Yahya Petra, Kota Bharu.

[4] Pada 25 Julai 2019, seperti biasa pemohon memakirkan keretanya di petak letak kereta di kawasan bangunan premis berkenaan. Pemohon telah memasukkan wang caj parkir keretanya tetapi gagal membuat bayaran tambahan selepas tempoh parkir tamat kerana kesibukan kerja.

[5] Pada jam lebih kurang 1.30 petang (setelah dimaklumi oleh seorang kawan), pemohon turun dari pejabat ke tempat parkir keretanya dan mendapati tayar kereta telah dikunci (*clamp*) oleh pihak responden. Sekeping kertas kompaun dikepilkan pada cermin hadapan keretanya (bernombor KB0451902328) atas kesalahan 'meletak kereta dengan tidak membayar caj yang ditetapkan' berdasarkan perintah 8, Perintah Pengangkutan Jalan (Tempat Letak Kereta) MPKB 2000. Pemohon ditawarkan kompaun sebanyak RM10 yang perlu dibayar dalam tempoh 14 hari dan bayaran sebanyak RM110 bagi membuka kunci tayar berkenaan.

A KES PEMOHON

[6] Pemohon tidak berpuas hati terhadap tindakan responden ini dan memohon suatu semakan kehakiman untuk perintah-perintah berikut:

B (a) satu perintah certiorari untuk membatalkan kompaun no KB0451902328 bertarikh 25 Julai 2019 yang dikeluarkan oleh pihak responden terhadap kenderaan bernombor DCR 6985;

C (b) satu pengisytiharan bahawa responden atau wakil-wakil/pekerja-pekerja/ proksi-proksi/ pengkhidmat-pengkhidmatnya yang mengunci tayar kereta pemohon bernombor DCR 6985 pada 25 Julai 2019 adalah salah, haram (*illegal*), ultra vires dan tidak sah di sisi undang-undang;

D (c) berhubung dengan relif (b) di atas, satu pengisytiharan bahawa responden atau wakil-wakil/pekerja-pekerja/ proksi-proksi/ pengkhidmat-pengkhidmatnya tidak mempunyai kuasa untuk mengenakan caj sebanyak RM100 sebagai kos kapit terhadap pemohon;

E (d) satu perintah mandamus yang mengkehendaki pihak responden untuk memulangkan (*refund*) RM100 tersebut kepada pemohon dalam masa tujuh hari selepas diperintahkan oleh mahkamah ini;

F (e) satu pengisytiharan bahawa pihak responden tidak mempunyai kuasa untuk mengunci tayar kereta berhubung dengan kesalahan yang dilakukan di bawah , perintah 8Perintah Pengangkutan Jalan (Letak Kereta Bermeter) (Majlis Perbandaran Kota Bharu) 2000;

G (f) satu perintah larangan yang menghalang pihak responden untuk mengunci tayar kereta berhubung dengan kesalahan yang dilakukan di bawah perintah 8, Perintah Pengangkutan Jalan (Letak Kereta Bermeter) (Majlis Perbandaran Kota Bharu) 2000;

H (g) satu pengisytiharan bahawa tindakan pihak responden mengunci tayar kereta berhubung dengan kesalahan yang dilakukan di bawah perintah 8 Enakmen tersebut adalah haram, tidak sah dan ultra vires kepada s 66(1)(rr) Akta Pengangkutan Jalan (Akta 333) dan/atau Kaedah-Kaedah Pengangkutan Jalan (Fi bagi Pengapitan, Pengalihan dan Penahanan Kenderaan Motor) 2012;

I (h) responden dikehendaki membayar kepada pemohon ganti rugi am dan/atau ganti rugi teladan dan/atau ganti rugi teruk yang akan ditaksirkan oleh mahkamah yang mulia ini;

(i) kos dan/atau kos bersampingan dengan permohonan ini di jadikan kos dalam kausa; dan

(j) apa-apa relif lain yang difikirkan sesuai dan manfaat oleh mahkamah yang mulia ini.

[7] Berdasarkan pada permohonan relif-relif tersebut, pemohon menghujahkan kuasa untuk mengunci tayar motokar di peruntukan di bawah s 66(1)(rr) Akta Pengangkutan Jalan 1987 ('APJ 1987') di mana hanya Menteri sahaja yang boleh membuat peruntukan berkenaan. Berdasarkan kuasa ini, Menteri telah menggubal Kaedah-Kaedah Pengangkutan Jalan (Fi Bagi Pengapitan, Pengalihan dan Penahanan Kenderaan Motor) 2012 ('KPJ (FBPKM) 2012').

[8] Di bawah k 2 KPJ (FBPKM) 2012 fi bagi pengapitan, pengalihan atau penahanan kenderaan bermotor hanyalah untuk keadaan-keadaan di bawah s 48, 64 dan 65, APJ 1987.

[9] Bagi pengapitan tayar kenderaan seperti dalam kes pemohon, s 48 APJ 1987 adalah terpakai. Seksyen 48 memperuntukkan keadaan di mana kenderaan diberhentikan di jalan dan menyebabkan bahaya atau galangan atau kesusahan yang tidak berpatutan kepada pengguna jalan lain atau lalulintas.

[10] Dihujahkan motokar pemohon tidak diberhentikan di jalanraya tetapi diletakkan di petak parkir yang dibenarkan yang mana tidak menyebabkan bahaya atau galangan atau kesusahan yang tidak berpatutan kepada pengguna jalan lain atau lalulintas. Caj parkir yang telah tamat tempoh tidak termasuk dalam keadaan ini. Oleh yang demikian tindakan responden mengunci tayar motokar pemohon dan kemudiannya mengenakan fi membukanya adalah ultra vires APJ 1987.

KES RESPONDEN

[11] responden secara amnya menghujahkan bahawa tindakan mengenakan kompaun dan mengunci tayar motokar pemohon di bawah perintah 8 dan perintah 17(1), Perintah Pengangkutan Jalan (Letak Kereta Bermeter) (MPKB) 2000 ('PPJ (LKB) 2000') adalah selaras dan konsisten dengan s 66(1)(rr) dan s 72 APJ. Beban adalah kepada pemohon untuk membuktikan tindakan responden adalah *irrational, illegal and procedural impropriety*.

PENELITIAN DAN PENEMUAN MAHKAMAH

[12] Dalam menimbangkan dan memutuskan kes semakan kehakiman ini, saya berpandukan kepada prinsip-prinsip tersohor dalam kes-kes *Chief Constable of North Wales Police v Evans* [1982] 3 All ER 141:

> Judicial review is not an appeal from a decision but a review of the manner in which the decision was made, and, therefore the court is not entitled on an application for judicial review to consider whether the decision itself was fair and reasonable.

A Judicial review is concerned, not with the decision, but with the decision-making process. Unless the restriction on the power of the court is observed, the court will in my view under the guise of preventing the abuse of power, be itself guilty of usurping power.

B *Peguam Negara Malaysia v Chin Chee Kow (as secretary of Persatuan Kebajikan dan Amal Liam Hood Thong Chor Seng Thuan) and another appeal* [2019] 3 MLJ 443; [2019] 3 MLRA 183 (MP):

[60] This landmark decision moved the courts from a position of deciding whether prerogative power existed to deciding if they were being carried out lawfully. Lord Diplock in his speech at p 401D of the GCHQ case enunciated three classic grounds for judicial review:

C

> Judicial review has I think developed to a stage today when ... one can conveniently classify under three heads the grounds upon which administrative action is subject to control by judicial review. The first ground I would call 'illegality', the second 'irrationality' and the third 'procedural impropriety.

D

> By 'illegality' as a ground for judicial review I mean that the decision-maker must understand correctly the law that regulates his decision-making power and must give effect to it. Whether he has or not is par excellence a justiciable question to be decided, in the event of dispute, by those persons, the judges, by whom the judicial power of the state is exercisable.

E

> By 'irrationality' I mean what can now succinctly be referred to as 'Wednesbury unreasonableness' (*Associated Provincial Picture Houses Ltd v Wednesbury Corporation* [1948] 1 KB 223). It applies to a decision which is so outrageous in it defiance of logic or of accepted moral standards that no reasonable person who had applied his mind to the question to be decided could have arrived at it.

F

> I have described the third head as 'procedural impropriety' rather than failure to observe basic rules of natural justice to act with procedural fairness towards the person who will be affected by the decision. This is because susceptibility to judicial review under this head covers also failure by an administrative tribunal to observe procedural rules that are expressly laid down in the legislative instrument by which its jurisdiction is conferred, even where such failure does not involve any denial of natural justice.

G

H *Wira Swire Sdn Bhd v Ketua Pengarah Lembaga Hasil Dalam Negeri* [2019] MLJU 679; [2019] MLRAU 685:

[8] The law on judicial review is well settled that the court may review a decision in the exercise of public duty or function on the grounds of illegality, irrationality or procedure impropriety.

I **[13]** Setelah meneliti dan menimbangkan hujahan lisan dan hujahan bertulis kedua-dua pihak, affidavit-afidavit serta ekshibit-ekshibit dokumentar yang difailkan, saya berpendapat.

Isu 1

[14] Sama ada perintah 8 dan perintah 17, PPJ (LKB) 2000 ultra vires s 72 dan s 66(1)(rr) APJ 1987.

[15] Sebagai kemudahan dan pemahaman, saya kemukakan peruntukan-peruntukan tersebut:

Perintah 8 PPJ (LKB) 2000:

8 Bayaran caj yang ditetapkan

(1) Tiada sesiapa pun boleh meletak mana-mana kereta motor di sesuatu tempat letak kereta atau petak kereta pada masa yang dinyatakan dalam jadual tanpa membayar caj yang ditetapkan bagi tempoh letak kereta yang dikehendaki.

(2) Caj yang ditetapkan yang kena dibayar bagi meletakkan kereta motor di petak letak kereta atau bagi mendapatkan tiket pembayaran hendaklah dibayar dengan memasukkan ke dalam meter letak kereta yang disediakan bagi petak letak kereta tersebut duit/duit-duit syiling mata wang Malaysia dari peringkat nilai 10 sen, 20 sen, 50 sen atau satu ringgit atau sebagaimana yang ditunjukkan pada meter letak kereta itu yang sama nilainya dengan amaun yang ditetapkan bagi tempoh di mana kereta motor itu boleh diletak.

(3) Tiket pembayaran hendaklah dipamerkan pada tempat mudah dilihat pada kereta motor yang diletak di sesuatu tempat letak kereta

Perintah 17 PPJ (LKB) 2000:

17 Kereta motor boleh ditahan dari bergerak

(1) Apabila sesebuah kereta motor diletak dengan melanggar mana-mana peruntukan perintah ini maka atendan letak kereta atau sesiapa yang diberi kuasa bagi maksud itu oleh Yang Dipertua bolehlah menahan kereta itu daripada bergerak dengan merantai dan menguncinya dengan menggunakan sesuatu alat yang difikirkan patut oleh Majlis Perbandaran Kota Bharu dan tidaklah boleh sesiapa pun mengalih kereta itu atau menganggu rantai dan kunci itu. Atas permintaan dan dengan syarat tuan punya atau orang yang menjaga kereta motor itu membayar kepada Majlis Perbandaran Kota Bharu sejumlah bayaran yang tidak lebih daripada tiga ratus ringgit, rantai dan kunci itu bolehlah ditanggalkan dan melepaskan kereta tersebut.

(2) Majlis Perbandaran Kota Bharu tidak bertanggungjawab atas apa-apa kerosakan yang berlaku atas kereta motor dalam masa dan ketika dirantai dan dikunci.

Seksyen 72 APJ 1987:

72 Mengadakan tempat letak kereta dan tempat perhentian

A (1) Mana-mana pihak berkuasa yang berkenaan atau badan awam boleh, melalui perintah yang disiarkan dalam Warta mengadakan tempat letak kereta yang sesuai bagi kenderaan atau tempat perhentian bagi kenderaan perkhidmatan awam atau kenderaan barangan mengikut Akta ini, dan bagi maksud itu boleh —

B (a) menggunakan mana-mana tanah yang boleh diperoleh atau diuntukkan dengan sah di sisi undang-undang bagi maksud itu; atau

(b) melalui perintah itu membenarkan penggunaan manamana bahagian sesuatu jalan sebagai tempat letak kereta atau tempat perhentian bagi kenderaan perkhidmatan awam atau kenderaan barangan: Pengangkutan Jalan 127 Dengan syarat bahawa —

C (aa) tiada apa-apa perintah sedemikian boleh membenarkan penggunaan manamana bahagian suatu jalan hingga dengan tidak semunasabahnya menyekat akses ke mana-mana premis yang bersempadanan dengan jalan itu, atau penggunaan jalan itu oleh mana-mana orang yang berhak menggunakannya, atau hingga menjadikan suatu kacau ganggu;

D (bb) suatu perintah di bawah seksyen ini yang berhubungan dengan suatu jalan Persekutuan, atau yang menjejaskan kenderaan perkhidmatan awam atau kenderaan barangan tidak boleh dibuat tanpa persetujuan Menteri.

E (2) Pihak berkuasa yang berkenaan atau badan awam boleh mengambil segala langkah yang perlu untuk menyesuaikan bagi kegunaan sebagai tempat letak kereta atau tempat perhentian bagi kenderaan perkhidmatan awam atau kenderaan barangan mana-mana tanah yang tidak menjadi sebahagian daripada sesuatu jalan yang boleh digunakan dengan mudahnya bagi maksud itu.

F (3) Suatu perintah di bawah subseksyen (1) boleh menetapkan —

(a) kenderaan atau kelas kenderaan-kenderaan yang boleh menggunakan tempat letak kereta atau perhentian itu dan tempoh selama mana dan syarat yang tertakluk kepadanya tempat letak kereta atau tempat perhentian itu boleh digunakan: dan

G (b) caj, jika ada, yang akan dikenakan bagi menggunakan tempat letak kereta itu.

(4) Jika apa-apa caj bagi menggunakan tempat letak kereta itu dikenakan atau dicadang hendak dikenakan menurut mana-mana perintah di bawah seksyen ini, perintah itu hendaklah menyatakan —

H (a) tempat letak kereta yang ditetapkan untuk meninggalkan kenderaan: dan

(b) waktunya (sama ada pada tiap-tiap masa atau di antara waktu

I

tertentu) selama mana kenderaan boleh diletakkan di sesuatu tempat letak kereta, A

dan boleh selanjutnya membuat peruntukan dalam mana-mana perkara yang berikut bagi tempat letak kereta:

B

(aa) bilangan dan dimensi ruang yang hendak diadakan;

(bb) kedudukan yang kenderaan itu hendak dipandu masuk atau dibawa keluar;

C

(cc) cara bagaimana kenderaan itu hendak dipandu masuk atau dibawa keluar;

(dd) larangan atau sekatan kepada kenderaan lain yang menunggu di tempat letak kereta itu, sama ada dalam kedudukan yang tersebut di atas, atau di tempat lain; D

(ee) kedudukan dalam mana kenderaan lain yang dibenarkan oleh perintah itu boleh menunggu di tempat letak kereta itu atau bagi apa-apa maksud yang dinyatakan dalam perintah itu boleh menunggu; E

(ff) caj yang akan dilevi berkenaan dengan penggunaannya dan cara pemungutannya.

F

(gg) pengalihan daripada tempat itu dan penyimpanan selamat mana-mana kenderaan yang berkenaan dengannya terdapat pelanggaran terhadap, atau ketidakpatuhan kepada peruntukan perintah itu atau apa-apa kaedah yang dibuat di bawah Akta ini;

G

(hh) pembinaan dan pemasangan apa-apa radas daripada jenis atau reka bentuk yang diluluskan oleh Menteri sama ada pada amnya atau secara khusus (yang akan diperihalkan sebagai — meter letak kereta);

H

(ii) larangan atau sekatan bagi menjalankan apa-apa perdagangan atau kegiatan lain atau melakukan apa-apa perkara lain di dalamnya; Pengangkutan Jalan 129;

(jj) menunjukkan tempat letak kereta itu dengan cara isyarat lalu-lintas mengikut seksyen 77 I

Dengan syarat bahawa tiada apa-apa jua dalam subseksyen ini boleh ditafsirkan sebagai menghendaki supaya diadakan di mana-mana tempat letak kereta ruang daripada saiz yang mencukupi bagi meletak mana-mana kenderaan tertentu.

A (5) Suatu notis yang menyatakan isi perintah itu dan caj yang ditetapkan olehnya hendaklah didirikan dan disenggarakan oleh pihak berkuasa yang berkenaan itu di tempat letak kereta atau tempat perhentian tersebut, atau berdekatan dengannya.

B (6) Tidak sah di sisi undang-undang bagi pemandu mana- mana kenderaan atau mana-mana orang yang diambil kerja berkaitan dengannya untuk berulang-alik mencari sewa atau mengambil penumpang untuk sewa atau upah semasa mana-mana kenderaan berada di tempat letak kereta yang masih tidak diwartakan sebagai suatu tempat perhentian untuk kenderaan perkhidmatan awam dan mana-mana orang yang bertindak dengan melanggar subseksyen ini C melakukan suatu kesalahan.

(7) Jika mana-mana orang melanggar atau gagal mematuhi sesuatu perintah yang dibuat di bawah seksyen ini tanpa sebab yang sah maka dia melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi tiga ratus ringgit.

D Seksyen 66 (1)(rr) APJ 1987:

66 (1) Menteri boleh menbuat kaedah-kaedah bagi apa-apa maksud di mana kaedah-kaedah boleh dibuat di bawah Bahagian ini dan bagi menetapkan apa-apa yang boleh ditetapkan di bawah Bahagian ini dan pada amnya mengenai E pembinaan, penyenggaraan, penggunaan, usia dan kelengkapan kenderaan-kenderaan motor dan syarat yang menurutnya kenderaan motor itu boleh digunakan, dan selainnya bagi maksud menguatkuasakan Bahagian ini dan khususnya, tetapi dengan tidak menjejaskan keluasan makna peruntukan yang terdahulu boleh membuat kaedah-kaedah —

F (rr) bagi mengadakan peruntukan bagi penggunaan pengapit roda atau kelengkapan lain berkenaan dengan kesalahan meletak kereta tertentu, jenis pengapit roda atau kelengkapan lain yang hendak digunakan, cara penegunaannya dan fi yang akan dikenakan berkenaan dengan penahanan sesuatu kenderaan motor berbangkit daripada penggunaan pengapit roda.

G **[16]** Seksyen 72 APJ 1987 secara amnya memperuntukkan bahawa pihak berkuasa tempatan (seperti responden dalam kes ini) boleh menyediakan tempat parkir kenderaan dan tempat perhentian. Manakala s 66(1)(rr) APJ 1987, memberikan kuasa kepada Menteri untuk membuat perintah atau H kaedah bagi mengunci tayar kenderaan atau menggunakan lain-lain peralatan bagi kesalahan tertentu dan juga mengenakan fi berkaitan.

[17] Berdasarkan kepada peruntukan s 66(1)(rr) APJ 1987 ini, Menteri (dalam keadaan ini Menteri Pengangkutan) telah menggubal KPJ (FBPKM) I 2012 bagi melaksanakan kuasa mengkapit, mengalih atau memindah kenderaan yang tertakluk kepada s 48, s 64 dan s 65 APJ 1987.

[18] Sekali lagi saya kemukakan peruntukan-peruntukan berkenaan bagi memudahkan rujukan:

Kaedah 2, KPJ (FBPKM) 2012:

(2) Pemunya berdaftar kenderaan motor atau orang yang menjaga suatu kenderaan motor hendaklah membayar fi bagi pengapitan, pengalihan atau penahanan kenderaan motor sebagaimana yang dinyatakan dalam Jadual jika kenderaan motor itu diapit, dialih atau ditahan di bawah seksyen 48, 64 dan 65 Akta, mengikut mana-mana yang berkenaan.

Seksyen 48 APJ 1987:

Galangan disebabkan kenderaan

(1) Jika mana-mana pemandu sesuatu kenderaan menyebabkan atau membenarkan kenderaan motor itu dihentikan di mana-mana jalan dalam apa-apa kedudukan atau apa-apa keadaan atau apa- apa hal keadaan yang mungkin menyebabkan bahaya, galangan atau kesusahan tidak berpatutan kepada pengguna jalan yang lain atau kepada lalu lintas, dia melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh didenda tidak kurang daripada satu ribu ringgit dan tidak lebih daripada lima ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak kurang daripada satu tahun atau kedua-duanya.

(2) Jika mana-mana pemandu sesuatu kenderaan motor menyebabkan atau membenarkan kenderaan motor itu dihentikan di mana-mana atau apa-apa hal keadaan yang mungkin menyebabkan bahaya, galangan atau kesusahan tidak berpatutan kepada pengguna jalan yang lain atau kepada lalu lintas, seorang pegawai polis, pegawai pengangkutan jalan atau mana-mana pihak berkuasa yang berkenaan boleh mengapit roda kenderaan motor itu atau mengalihkan atau menyebabkan supaya dialih kenderaan motor itu ke mana-mana jalan lain atau mana-mana lokasi atau tempat lain sebagaimana yang dinyatakan dalam suatu notis dan ditinggalkan di situ atas risiko pemunya.

(3) Jika sesuatu kenderaan motor diapit rodanya di bawah subseksyen (2), pegawai yang berkenaan hendaklah dengan segera, memberikan notis secara bertulis kepada pemunya kenderaan motor itu memaklumkannya tentang pengapitan roda itu dan menghendakinya atau mana-mana orang yang mungkin mempunyai tuntutan terhadap kenderaan motor itu, dalam tempoh empat jam dari waktu notis itu, untuk hadir dan meminta supaya kenderaan dilepaskan dan jika tidak ada tuntutan diterima dalam tempoh itu, kenderaan motor itu bolehlah dialihkan ke tempat yang sesuai.

(4) jika mana-mana kenderaan motor ditahan di bawah subseksyen (2) atau (3), pegawai yang berkenaan hendaklah dalam masa dua puluh empat jam, memberikan notis secara bertulis kepada pemunya kenderaan motor itu memaklumkannya mengenai pengalihan itu dan menghendakinya atau mana-mana orang yang mungkin mempunyai tuntutan terhadap kenderaan motor, dalam tempoh satu bulan dari tarikh notis itu, supaya hadir dan menuntut kenderaan itu.

(5) Selepas diterima tuntutan di bawah subseksyen (3) atau (4), kenderaan motor itu bolehlah dilepaskan setelah dibayar fi bagi pengapitan, pengalihan dan penahanan sebagaimana yang ditetapkan oleh Menteri di bawah Akta ini.

(6) Jika dalam tempoh dua belas bulan dari tarikh pengalihan itu kenderaan motor itu tidak dituntut, kenderaan motor itu hendaklah dilucuthakkan dan keempunyaan kenderaan motor itu terletak hak pada Ketua Pengarah.

(7) Seorang pegawai polis, pegawai pengangkutan jalan, mana- mana pihak berkuasa yang berkenaan atau mana-mana orang lain yang bertindak di bawah arahannya, mengikut mana-mana yang berkenaan, tidak boleh menanggung apa-apa liabiliti berkenaan dengan apa-apa kerugian atau kerosakan yang disebabkan kepada mana-mana kenderaan motor atau kelengkapan atau kandungannya semasa ia diapit atau dialihkan atau semasa ia ditahan, melainkan jika kerosakan itu disebabkan oleh kecuaian atau dengan sengaja.

(8) Bagi maksud seksyen ini, 'pihak berkuasa yang berkenaan' mempunyai erti yang diberikan kepadanya dalam seksyen 67.

Seksyen 64 APJ 1987:

64 Kuasa menyita kenderaan motor

(1) Apabila mana-mana orang didapati atau dengan semunasabahnya dipercayai menggunakan sesuatu kenderaan motor dengan melanggar Akta ini atau apa-apa perintah atau larangan yang dibuat di bawahnya, atau dengan melanggar terma lesen bagi kenderaan motor itu, mana-mana pegawai polis atau pegawai pengangkutan jalan yang diberi kuasa secara bertulis bagi maksud itu oleh Ketua Pengarah, atau Dato Bandar boleh, pada bila- bila masa didapati bahawa kenderaan motor itu atau pemandunya tidak dapat dikenal pasti dengan secukupnya atau bahawa tindakan itu perlu untuk mengelakkan berlakunya lagi kesalahan itu, membawa atau menyebabkan dibawa atau menghendaki orang yang menjaga suatu kenderaan motor membawa kenderaan motor itu ke suatu tempat yang selamat, dan disimpan di situ sehingga dilepaskan dengan perintah Majistret, Ketua Pegawai Polis, Pengarah atau Dato Bandar, dengan syarat dan tertakluk kepada subseksyen (3), kenderaan motor itu tidak boleh ditahan lebih lama dari yang diperlukan bagi memastikan identiti pemandu itu atau bagi menjamin tidak berlakunya lagi kesalahan itu, dan jika mana-mana orang enggan atau cuai mematuhi mana-mana kehendak itu, dia melakukan suatu kesalahan.

(2) Mana-mana orang yang tidak diberi kuasa yang mengalih atau yang menyebabkan dialih kenderaan motor itu daripada tempat yang selamat melakukan suatu kesalahan. 102 Undang-Undang Malaysia AKTA 333.

(3) Mana-mana kenderaan yang telah dialih menurut subseksyen (1),

boleh ditahan di suatu tempat yang sesuai dan ditinggal di situ atas risiko pemunyanya sehingga apa-apa fi sebagaimana yang ditetapkan di bawah Akta ini bagi pengalihan dan penahanannya dibayar.

(4) Apabila mana-mana kenderaan motor ditahan di bawah seksyen ini, pegawai polis atau pegawai pengangkutan jalan yang menahan kenderaan itu hendaklah dengan seberapa segera yang semunasabahnya praktik, memberikan notis secara bertulis mengenai penahanan itu kepada pemunya kenderaan motor itu jika nama dan alamat pemunya itu diketahui olehnya dan jika dalam tempoh tiga bulan dari tarikh penahanannya kenderaan motor itu tidak dituntut oleh pemunyanya, pegawai itu hendaklah merujukkan perkara itu kepada Majistret, yang hendaklah membuat apa-apa perintah yang difikirkannya patut berkenaan dengan pelucuthakan atau pelupusan kenderaan motor itu serta muatannya (jika ada).

(5) Jika sesuatu kenderaan motor yang ditahan mempunyai muatan mudah musnah dan penyimpanan muatan itu sementara menunggu pemberesan muktamad pelucuthakan atau perintah pelupusan di bawah subseksyen (4) melibatkan perbelanjaan dan kesulitan yang tidak munasabah, Pengarah boleh mengarahkan supaya muatan itu dijual atau dilupuskan pada bila-bila masa dan hasil jualan itu boleh dipegang untuk mematuhi keputusan apa-apa pendakwaan atau tuntutan di bawah seksyen ini.

Seksyen 65 APJ 1987:

65 Memindahkan kenderaan yang rosak dan yang ditinggalkan

(1) Seorang pegawai polis, seorang pegawai pengangkutan jalan, Dato Bandar, Perbadanan Putrajaya atau Ketua Pengarah Lembaga Lebuhraya Malaysia atau syarikat konsesi yang diberi kuasa sewajarnya secara bertulis oleh Ketua Pengarah Lembaga Lebuhraya Malaysia boleh menghendaki pemunya, pemandu atau orang lain yang mengawal atau menjaga mana-mana kenderaan motor yang telah, akibat daripada suatu kemalangan atau apa-apa sebab lain, rosak atau telah dibenarkan untuk berhenti di sesuatu jalan dalam apa-apa kedudukan atau apa-apa keadaan yang mungkin menyebabkan galangan, bahaya atau kesusahan kepada orang lain yang menggunakan jalan itu, supaya mengalihkan atau menyebabkan dialih kenderaan motor itu daripada jalan tersebut ke mana-mana Pengangkutan Jalan 103 jalan lain atau mana-mana kedudukan atau tempat sebagaimana yang dinyatakan.

(2) Mana-mana orang yang gagal mematuhi apabila dikehendaki mengalihkan sesuatu kenderaan motor di bawah seksyen ini melakukan suatu kesalahan.

(3) Jika mana-mana kenderaan yang telah, akibat daripada suatu kemalangan atau apa-apa sebab lain, rosak atau telah dibenarkan

untuk berhenti di sesuatu jalan dalam apa-apa kedudukan atau apa-apa keadaan yang mungkin menyebabkan galangan, bahaya atau kesusahan kepada orang lain yang menggunakan jalan itu, seorang pegawai polis, seorang pegawai pengangkutan jalan, Dato Bandar, Perbadanan Putrajaya atau Ketua Pengarah Lembaga Lebuhraya Malaysia atau syarikat konsesi yang diberi kuasa sewajarnya secara bertulis oleh Ketua Pengarah Lembaga Lebuhraya Malaysia boleh menyebabkan kenderaan motor itu dialihkan ke suatu tempat yang sesuai dan ditinggalkan di situ atas risiko pemunyanya dan boleh menahannya sehingga apa-apa fi sebagaimana yang ditetapkan di bawah Akta ini bagi pengalihan dan penahanannya dibayar.

(4) Fi di bawah subseksyen (3) hendaklah dibayar kepada —

(a) Ketua Pegawai Polis, jika yang menyebabkan kenderaan motor itu dialih ialah seorang pegawai polis;

(b) pegawai pengangkutan jalan, jika yang menyebabkan kenderaan motor itu dialih ialah seorang pegawai pengangkutan jalan;

(c) Dato Bandar, jika yang menyebabkan kenderaan motor itu dialih ialah seorang warden lalu lintas atau mana-mana pegawai dalam perkhidmatan Bandaraya Kuala Lumpur yang diberi kuasa secara bertulis oleh Dato Bandar;

(d) Perbadanan Putrajaya jika yang menyebabkan kenderan motor itu dialih ialah seorang warden lalu lintas atau mana-mana pegawai dalam perkhidmatan Perbadanan Putrajaya;

(e) Ketua Pengarah Lembaga Lebuhraya Malaysia, jika yang menyebabkan kenderaan motor itu dialih ialah seorang 104 Undang-Undang Malaysia AKTA 333 pegawai Lembaga Lebuhraya Malaysia yang diberi kuasa secara bertulis oleh Ketua Pengarah Lembaga Lebuhraya Malaysia; atau

(f) syarikat konsesi, jika yang menyebabkan kenderaan motor itu dialih ialah seorang pegawai syarikat konsesi yang diberi kuasa secara bertulis oleh Ketua Pengarah Lembaga Lebuhraya Malaysia.

(5) Seseorang pegawai polis, seorang pegawai pengangkutan jalan, Dato Bandar, Ketua Pengarah Lembaga Lebuhraya Malaysia, Perbadanan Putrajaya atau mana-mana orang lain yang bertindak di bawah arahannya, mengikut mana-mana yang berkenaan, tidak boleh menanggung apa- apa liabiliti bagi apa-apa kerugian atau kerosakan yang disebabkan kepada mana-mana kenderaan motor atau lekapan atau kandungannya semasa ia dialihkan atau semasa ia ditahan, melainkan jika kerosakan itu disebabkan cuai atau bersengaja.

(6) Apabila mana-mana kenderaan motor ditahan di bawah seksyen ini, pegawai yang menahan kenderaan motor itu hendaklah dengan seberapa segera yang munasabah memberi notis secara bertulis mengenai penahanan itu kepada pemunya kenderaan motor itu jika

nama dan alamat pemunya itu diketahuinya, dan jika kenderaan motor itu tidak dituntut oleh pemunya dalam masa tiga bulan dari tarikh penahanannya, pegawai itu boleh, selepas memberikan satu bulan notis di dalam Warta mengenai niatnya hendak berbuat demikian, menjualkan dengan cara lelong awam atau selainnya melupuskan kenderaan motor itu dan muatannya (jika ada); dengan syarat bahawa tiada apa-apa notis sedemikian perlu diberikan dalam hal apa-apa muatan jenis mudah musnah. Hasil, jika ada, daripada jualan atau pelupusan itu hendaklah dipakai untuk pembayaran apa-apa fi yang dikenakan di bawah Akta ini dan lebihnya, jika ada, hendaklah dibayar kepada pemunya kenderaan motor itu atau jika tidak dituntut oleh orang itu dalam masa dua belas bulan selepas tarikh jualan atau pelupusan itu, hendaklah dilucut hak pada Kerajaan Persekutuan, Dato Bandar, atau Perbadanan Putrajaya, atau Ketua Pengarah Lembaga Lebuhraya Malaysia mengikut manamana yang berkenaan.

(7) Tanpa menjejaskan kuasa Menteri di bawah perenggan 66(1)(f), Dato Bandar, atau Perbadanan Putrajaya, atau Ketua Pengarah Lembaga Lebuhraya Malaysia, boleh, selepas berunding dengan Pengangkutan Jalan 105 Menteri, melalui kaedah-kaedah mengenakan fi bagi pengalihan mana-mana kenderaan daripada mana-mana jalan dalam kawasan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur atau Wilayah Persekutuan Putrajaya dan bagi penahanannya menurut seksyen ini.

(8) Bagi maksud seksyen ini, — syarikat konsesi ertinya mana-mana syarikat yang diberi kuasa untuk menuntut, mengutip dan mendapatkan bayaran tol di bawah perintah yang dibuat di bawah seksyen 2 Akta Jalan-Jalan Persekutuan (Pengurusan Persendirian) 1984 [Akta 306].

[19] Di bawah s 3A(3A) APJ 1987, Menteri (dalam keadaan ini Menteri Pengangkutan) boleh melalui penwartaan setelah adanya permohonan, memberikan kuasa (*authorisation*) antara lainnya kepada pihak berkuasa tempatan bagi melaksanakan kewajipan di bawah APJ 1987.

[20] Seksyen 3A(3A) APJ 1987 juga antara lainnya memperuntukkan bahawa Yang Di Pertua Pihak Berkuasa Tempatan diberikan kuasa untuk melaksanakan tanggungjawab yang dikenakan di bawah akta ini. Dalam hal ini responden adalah suatu pihak berkuasa tempatan seperti definisi di bawah s 2 Akta Kerajaan Tempatan 1976 iaitu:

> pihak berkuasa tempatan ertinya mana-mana Majlis Bandaraya, Majlis Perbandaran atau Majlis Daerah mengikut mana-mana berkenaan ...

[21] Dengan merujuk pada PPJ (LKB) 2000, saya mendapati terdapat ciri-ciri yang menunjukan Menteri Pengangkutan ada memberikan kuasa

(*authorisation*) kepada Yang Di Pertua Majlis Perbandaran Kota Bharu iaitu melalui perkataan-perkataan:

(a) 'Warta Kerajaan';

(b) 'diterbitkan dengan kuasa'; dan

(c) 'Akta Pengangkutan Jalan 1987'.

[22] Ini secara jelas menunjukan terdapatnya *authorisation* dari Menteri Pengangkutan kepada Yang Di Pertua Majlis Perbandaran Kota Bharu bagi mengubal dan menguatkuasakan perintah 8 dan perintah 17 PPJ (LKB) 2000.

[23] Adalah menjadi beban pada pemohon untuk membuktikan sebaliknya dan saya mendapati pemohon telah gagal berbuat demikian.

[24] Berdasarkan pada alasan-alasan tersebut, saya memutuskan perintah 8 dan perintah 17, PPJ (LKB) 2000 tidak ultra vires s 66(1)(rr) APJ 1987.

Isu 2

[25] Sama ada perintah-perintah tersebut berhubung dengan fi adalah munasabah, rasional, sesuai dan tidak menindas.

[26] Pemohon diarahkan membayar segera kompaun dan fi membuka kunci tayar kereta (ini keputusan yang dibuat oleh pihak responden) walau pun terdapat tawaran pembayaran boleh dibuat dalam tempoh 14 hari, saya berpendapat:

(a) bayaran kompaun kerana kehabisan wang *parking* bagi kenderaan yang di parkir di tempat yang ditetapkan dan fi membuka kunci tayar kereta, adalah dua bayaran yang berbeza;

(b) kompaun adalah sebanyak RM10 manakala fi membuka kunci tayar maksimumnya adalah RM300;

(c) namun pemohon ditawarkan fi membuka kunci tayar kereta sebanyak RM100 sahaja;

(d) disebabkan keperluan pemohon untuk menggunakan keretanya, maka fi membuka kunci tayar perlulah dibayar dengan segera;

(e) manakala kompaun boleh dibuat kemudian dan ini merupakan pilihan pemohon sendiri; dan

(f) saya tidak nampak ini sebagai suatu ugutan atau pemerasan atau pemohon dikenakan denda dua kali.

[27] Berdasarkan kepada alasan-alasan tersebut, saya mendapati perintah dan keputusan responden adalah munasabah, rasional, sesuai dan tidak berunsur menindas.

Isu 3

[28] Sama ada tindakan mengunci tayar motokar pemohon ultra vires s 66(1)(rr) APJ 1987 kerana s 48 APJ 1987 tidak memperuntukkan bahawa memparkir kenderaan melebihi tempoh caj termasuk dalam keadaan yang boleh dikunci tayar.

[29] Saya merujuk kembali s 48 APJ 1987 yang memperuntukkan:

Galangan disebabkan kenderaan

(1) Jika mana-mana pemandu sesuatu kenderaan menyebabkan atau membenarkan kenderaan motor itu dihentikan di mana-mana jalan dalam apa-apa kedudukan atau apa-apa keadaan atau apa- apa hal keadaan yang mungkin menyebabkan bahaya, galangan atau kesusahan tidak berpatutan kepada pengguna jalan yang lain atau kepada lalu lintas, dia melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh didenda tidak kurang daripada satu ribu ringgit dan tidak lebih daripada lima ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak kurang daripada satu tahun atau kedua-duanya.

(2) Jika mana-mana pemandu sesuatu kenderaan motor menyebabkan atau membenarkan kenderaan motor itu dihentikan di mana-mana atau apa-apa hal keadaan yang mungkin menyebabkan bahaya, galangan atau kesusahan tidak berpatutan kepada pengguna jalan yang lain atau kepada lalu lintas, seorang pegawai polis, pegawai pengangkutan jalan atau mana-mana pihak berkuasa yang berkenaan boleh mengapit roda kenderaan motor itu atau mengalihkan atau menyebabkan supaya dialih kenderaan motor itu ke mana-mana jalan lain atau mana-mana lokasi atau tempat lain sebagaimana yang dinyatakan dalam suatu notis dan ditinggalkan di situ atas risiko pemunya.

(3) Jika sesuatu kenderaan motor diapit rodanya di bawah subseksyen (2), pegawai yang berkenaan hendaklah dengan segera, memberikan notis secara bertulis kepada pemunya kenderaan motor itu memaklumkannya tentang pengapitan roda itu dan menghendakinya atau mana-mana orang yang mungkin mempunyai tuntutan terhadap kenderaan motor itu, dalam tempoh empat jam dari waktu notis itu, untuk hadir dan meminta supaya kenderaan dilepaskan dan jika tidak ada tuntutan diterima dalam tempoh itu, kenderaan motor itu bolehlah dialihkan ke tempat yang sesuai.

(4) Jika mana-mana kenderaan motor ditahan di bawah subseksyen (2) atau (3), pegawai yang berkenaan hendaklah dalam masa dua puluh empat jam, memberikan notis secara bertulis kepada pemunya kenderaan motor itu memaklumkannya mengenai pengalihan itu dan menghendakinya

atau mana-mana orang yang mungkin mempunyai tuntutan terhadap kenderaan motor, dalam tempoh satu bulan dari tarikh notis itu, supaya hadir dan menuntut kenderaan itu.

(5) Selepas diterima tuntutan di bawah subseksyen (3) atau (4), kenderaan motor itu bolehlah dilepaskan setelah dibayar fi bagi pengapitan, pengalihan dan penahanan sebagaimana yang ditetapkan oleh Menteri di bawah Akta ini.

(6) Jika dalam tempoh dua belas bulan dari tarikh pengalihan itu kenderaan motor itu tidak dituntut, kenderaan motor itu hendaklah dilucuthakkan dan keempunyaan kenderaan motor itu terletak hak pada Ketua Pengarah.

(7) Seorang pegawai polis, pegawai pengangkutan jalan, mana- mana pihak berkuasa yang berkenaan atau mana-mana orang lain yang bertindak di bawah arahannya, mengikut mana-mana yang berkenaan, tidak boleh menanggung apa-apa liabiliti berkenaan dengan apa-apa kerugian atau kerosakan yang disebabkan kepada mana-mana kenderaan motor atau kelengkapan atau kandungannya semasa ia diapit atau dialihkan atau semasa ia ditahan, melainkan jika kerosakan itu disebabkan oleh kecuaian atau dengan sengaja.

(8) Bagi maksud seksyen ini, 'pihak berkuasa yang berkenaan' mempunyai erti yang diberikan kepadanya dalam seksyen 67.

[30] Seksyen 48 ini harus ditafsirkan secara *golden rule* dengan mengambil kira kepentingan awam dan juga *judicial notice*. Perlu di ambil maklum bahawa jumlah kenderaan bermotor di Kota Bharu khasnya dan Kelantan amnya adalah amat tinggi. Abjad pendaftaran kenderaan bermotor terkini di Kelantan adalah DEE. Jika di kira dari pendaftaran awal iaitu D kemudiannya pendaftaran DA-DY (kecuali I, O, dan Z), pendaftaran DAA–DAY (kecuali I, O, dan Z), pendaftaran DBA-DBY (kecuali I, O, dan Z), pendaftaran DCA–DCY (kecuali I, O, dan Z), pendaftaran DDA–DDY (kecuali I, O, dan Z) dan hingga pendaftaran terkini DEA–DEE, di mana setiap pendaftaran mempunyai 23 siri dan setiap siri mempunyai 9999 kenderaan, maka jumlah kenderaan di Kota Bharu dan Kelantan adalah amat tinggi. Dengan mengambil kira pemilik-pemilik yang menggunakan abjad pendaftaran luar Kelantan, saya percaya jumlahnya lebih tinggi lagi.

[31] Dengan pertambahan jumlah kenderaan ini, maka permintaan untuk tempat parkir yang terhad dalam kawasan bandar adalah amat tinggi dan menyulitkan. Motokar pemohon yang masih di tempat parkir dengan keadaan caj parkir telah habis akan mendatangkan kesusahan yang tidak berpatutan kepada pengguna-pengguna lain. Saya berpendapat keadaan ini adalah termasuk dalam tafsiran peruntukan s 48 APJ 1987.

Bantahan awal responden

[32] Responden menimbulkan bantahan awal dalam affidavit jawapannya iaitu:

(a) pemohon gagal menyatakan dengan jelas keputusan yang dibuat oleh responden;

(b) pemohon gagal menamakan agen atau pekerja responden;

(c) permohonan sepatutnya dibuat melalui writ saman; dan

(d) permohonan ini bertentangan dengan A 53, Kaedah-Kaedah Mahkamah 2012.

[33] Berdasarkan kepada penelitian dan penemuan dalam kes ini seperti yang saya nyatakan di atas, saya menolak keempat-empat bantahan tersebut atas alasan adalah jelas keputusan atau tindakan responden adalah terhadap pemohon, responden dinamakan bersama dengan wakil, pekerja, proksi atau pengkhidmatnya dan tindakan melalui semakan kehakiman ini adalah betul kerana keputusan responden menjejaskan pemohon.

KEPUTUSAN

[34] Atas penelitian dan penemuan-penemuan tersebut saya mendapati tindakan responden tidak menimbulkan unsur-unsur *irrational, illegal and procedural impropriety*. Dengan ini saya menolak relif-relif yang dipohon dalam semakan kehakiman ini.

[35] Kos sebanyak RM6,000 diberikan kepada responden.

Permohonan ditolak dengan kos sebanyak RM6,000 diberikan kepada responden.

Dilaporkan oleh Dzulqarnain Ab Fatar